

Untuk Edaran Segera

## 200 POKOK LAGI DITANAM UNTUK KHAZANAH RIMBA IWK DI PANTAI ECO PARK KUALA LUMPUR

**KUALA LUMPUR:** Bersempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd meneruskan lagi usahanya bersama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) untuk memperkuatkan kepentingan hutan dalam bandar, yang dikenali sebagai "Khazanah Rimba" di Pantai Eco Park, Pantai Dalam, dengan bekerjasama dengan kumpulan anak muda dari rumah kebajikan dan komuniti setempat.

Melalui kempen "*Adopt a Tree*", IWK dan MNS memulakan semula aktiviti penanaman pokok selepas ianya dihentikan sementara ketika pandemik dan susulan penyertaan orang ramai yang semakin meningkat untuk menyumbang dalam usaha menanam pokok-pokok hutan di taman tersebut.

Kerjasama sosial antara syarikat pembetungan nasional dan badan bukan kerajaan alam sekitar ini juga memperkuatkan lagi potensi penggunaan bi-produk IWK untuk memelihara alam sekitar khususnya dalam penggunaan biopepejal sebagai baja ke atas pokok-pokok hutan ini.

Minggu lepas, sebahagian daripada inisiatif *IWK Cares*, pihak syarikat telah menjemput 40 orang pelajar dari Rumah Anak-Anak Yatim dan Asnaf Qaseh Ibu, Ampang dan masyarakat setempat di sekitar kawasan Pantai Dalam untuk menanam pokok-pokok hutan serta mendengar taklimat daripada pihak IWK dan MNS mengenai kepentingan melindungi alam sekitar.

Kira-kira 200 pokok hutan telah didermakan minggu lalu daripada syarikat swasta, CTC Global Sdn Bhd (CTCG), iaitu sebuah syarikat perunding IT serta kakitangan IWK, di mana beberapa anak pokok telah ditanam daripada benih yang diusahakan di makmal Pusat Penyelidikan Indah Water.

Sejak Kempen "*Adopt a Tree*" diperkenalkan pada tahun 2020, sebanyak 400 pokok hutan telah ditanam di Khazanah Rimba, dengan kira-kira 100 batang pokok lagi disasarkan untuk ditanam di kawasan tersebut hujung tahun ini.

Bersama-sama dengan MNS, IWK berusaha untuk menghijaukan semula kawasan tersebut; dengan memberi perlindungan kepada spesies fauna dan mengubah taman tersebut untuk menjadi pusat komuniti dan pendidikan mengenai alam sekitar.

"Kami sangat gembira kerana melalui inisiatif ini, kita dapat berjumpa dengan rakan kongsi yang mempunyai arah tuju yang sama, daripada industri, NGO dan komuniti tempatan, demi memelihara warisan alam sekitar bagi generasi akan datang. Visi kami adalah untuk membangunkan masa hadapan yang mampan serta menyemarakkan lagi peluang pembangunan sosio-ekonomi seperti rangkaian sosial dan pendidikan demi persekitaran komuniti yang lebih baik," kata Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam.

Lebih penting lagi, Narendran berkata, aktiviti penanaman pokok ini akan menggalakkan lagi penggunaan salah satu produk sampingan IWK - biopepejal - sebagai perapi tanah atau baja untuk memperbaiki keadaan tanah dan meningkatkan pertumbuhan tanaman bukan makanan dan



tumbuhan hiasan. Biopepejal ini dihasilkan menerusi proses rawatan kumbahan yang berkualiti tinggi daripada loji rawatan kumbahan IWK.

Seiring dengan tema Hari Alam Sekitar Sedunia 2022, Hanya Satu Bumi, IWK dan MNS, melalui kempennya, terus mengajak semua pihak untuk bekerjasama dalam tindakan kolektif dan transformatif yang boleh diambil oleh sektor perniagaan, organisasi dan individu dalam usaha melindungi dan memulihkan planet ini.

Pada tahun 2020, IWK bekerjasama dengan MNS untuk menambahbaik projek hutan bandar Khazanah Rimba di IWK Eco Park dan seterusnya memperkenalkan kempen "Adopt a Tree". Kempen ini terbuka kepada orang ramai dan bayaran sumbangan bagi setiap pokok adalah berjumlah RM140.00.

Bagi mereka yang berminat untuk menderma, sila layari <https://bit.ly/2Fps4ep> untuk maklumat lanjut.

#TAMAT#

*Diedarkan oleh:*

Jabatan Komunikasi Korporat, Indah Water Konsortium

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi **Wan Esuriyanti Wan Ahmad** atau **Melissa Norris**  
di [esuriyanti@iwk.com.my](mailto:esuriyanti@iwk.com.my) atau [melissa@iwk.com.my](mailto:melissa@iwk.com.my).

#### **BERKENAAN IWK**

*Indah Water Konsortium Sdn Bhd ('IWK') ialah sebuah syarikat perkhidmatan pembetungan nasional milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pembetungan untuk 27 juta pengguna. Tumpuan utama syarikat adalah pengendalian operasi dan penyelenggaraan 7,111 buah loji olahan awam, 22,000 km panjang rangkaian paip pembetungan bawah tanah. IWK mempunyai keupayaan modal insan dalam pelbagai bidang kepakaran teknikal, proses olahan, aset strategik, sistem dan peralatan. Kepakaran lain IWK adalah seperti perancangan dan kejuruteraan rawatan air sisa, perakuan pembangunan sistem pembetungan, proses reka bentuk, penilaian persekitaran EIA, audit teknikal, kajian bahaya dan kebolehgunaan HAZOP, khidmat runding pengurusan projek serta program kesedaran dan pendidikan awam. Untuk maklumat lebih lanjut, layari [www.iwk.com.my](http://www.iwk.com.my).*

#### **MENGENAI PERSATUAN PENCINTA ALAM MALAYSIA (MNS)**

*Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) merupakan NGO alam sekitar di Malaysia yang mempunyai pengalaman melebihi lapan dekad. Ditubuhkan pada tahun 1940, misi MNS adalah untuk mempromosikan pemuliharaan warisan alam di Malaysia. Misi tersebut diterjemahkan kepada tiga bahagian teras – memulihara spesies dan habitat atau tapak, mempromosikan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) dan menyumbang kepada reformasi dasar nasional dan antarabangsa. Pada masa ini, MNS mempunyai lebih daripada 2,500 ahli, 14 cawangan yang dikendalikan oleh sukarelawan, menguruskan lapan Pusat Pendidikan Alam dan pelbagai projek-projek pendidikan pemuliharaan/alam sekitar serta kakitangan seramai 35 orang. MNS juga sangat menyokong usaha menghijaukan dan memulihkan landskap-landscape bandar dan hutan melalui penanaman pokok asli. Sejak 2000 sehingga kini, MNS telah bekerjasama dengan pelbagai pihak-pihak berkepentingan untuk menanam lebih daripada sejuta pokok di Malaysia. MNS telah dianugerahkan Merdeka Award (2008, Environment), UNEP Global 500 Award, BirdLife Partnership Award (2008) dan The BrandLaureate CSR Brand Leadership Award (2018) untuk sumbangan persatuan terhadap pemuliharaan alam. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.mns.my](http://www.mns.my)*